

# Jadikan peristiwa 2005 pengajaran hidup – PM

DM - 10 Jan 2006

**P**UTRAJAYA 9 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini kembali bertugas setelah bercuti kira-kira tiga minggu dengan mengajak rakyat menjadikan peristiwa yang berlaku sepanjang 2005 sebagai pengajaran untuk meningkatkan lagi kualiti hidup.

Perdana Menteri berkata, perkara berkenaan boleh dilakukan sekiranya semua perkara sama ada baik atau tidak, dijadikan sebagai pengajaran walaupun ia amat pahit untuk diterima.

“Ada orang menyatakan pengalaman lalu yang pedih perlu dilupakan tetapi jika dilupakan, ia tidak akan menjadi pengajaran,” katanya dalam amanat Tahun Baru kepada warga kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya berlaku kematian ahli keluarga, ia juga adalah satu pengajaran yang merupakan sebahagian daripada pengalaman.

“Kalau berlaku kematian ahli keluarga ia juga jadi pengajaran. Adakah dia pernah ditolong sebelum ini dan anak serta isterinya dibantu atau tidak (selepas meninggal).”

“Jika berlaku kemalangan kepada ahli keluarga juga menjadi pengajaran. Adakah kita mengetahui faktor yang menyebabkan kemalangan dan adakah kita menasihati anak-anak kita supaya berhati-hati di jalan raya,” katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh tentang laporan berita tahun lalu mengenai

perkhidmatan awam dan kaitannya dengan daya saing Malaysia.

Laporan itu kata Perdana Menteri, boleh dianggap sebagai satu petunjuk yang mencetuskan kepada usaha untuk meningkatkan mutu kerja.

“Ini termasuk beberapa jabatan yang terlibat dalam pembentukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan saya bentangkan di Parlimen pada bulan April ini.

“Dalam hal ini saya berharap agensi-agensi Pusat yang bertanggungjawab menyediakan laporan RMK-9 agar melakukan kerja dan tugas dengan rapi supaya ia dapat mencetuskan kebaikan kepada negara dan membawa rakyat ke mercu kejayaan,” katanya.

Mengenai kakitangan awam pula, Abdullah sekali lagi menekankan kepada mereka supaya sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara, rakyat dan agama.

Perkhidmatan terbaik katanya, meliputi semua peringkat termasuk orang bawahan kerana penglibatan mereka merupakan satu langkah yang menyumbang kepada kejayaan.

“Kejayaan yang dicapai bukan milik seorang sebaliknya ia meliputi semua pihak kerana kita bekerja dalam satu pasukan.

“Dalam hal ini, apa yang perlu diambil kira ialah tambahan nilai kepada diri masing-masing termasuk menambahkan ilmu melalui pembacaan untuk membaiki pekerjaan kita,” katanya.